



POLISI PRIVASI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah digubalkan oleh kerajaan untuk mengawal selia pemprosesan Maklumat Peribadi. Oleh itu, Ruyi Holdings Sdn. Bhd mempunyai kewajiban untuk melindungi Maklumat Peribadi anda menurut undang-undang yang berkenaan.

Polisi Privasi ini menyatakan polisi Syarikat kami tentang pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan Maklumat Peribadi anda. Polisi Privasi ini juga menyatakan hak anda sebagai pelanggan kami yang berkenaan dengan Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan, digunakan, diproseskan dan didedahkan oleh pihak kami. Sila ambil perhatian bahawa Polisi Privasi ini hanya merupakan ungkapan yang menunjukkan komitmen kami untuk melindungi Maklumat Peribadi anda, Polisi Privasi ini tidak berfungsi sebagai kontrak dan tidak mewujudkan apa-apa hak undang-undang kepada mana-mana pihak.

Definisi

“Syarikat” bermaksud Ruyi Holdings Sdn. Bhd;

“Kami” bermaksud Syarikat tersebut;

“Maklumat Peribadi” bermaksud apa-apa maklumat berkenaan dengan transaksi komersial yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada subjek data yang boleh dikenalpasti daripada maklumat tersebut atau maklumat lain dalam milikan kami, termasuk apa-apa Maklumat Peribadi Sensitif dan sebarang pandangan mengenai subjek data;

“Maklumat Peribadi Sensitif” bermaksud apa-apa Maklumat Peribadi yang mempunyai maklumat tentang kesihatan fizikal atau mental tentang subjek data, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang seumpamanya, dan kelakuan jenayah atau sebarang pendakwaan mengenai kelakuan jenayah;

“Subjek Data” bermaksud seorang individu yang merupakan subjek Maklumat Peribadi tersebut;

“Pemproses Data” berkaitan dengan Maklumat Peribadi, bermaksud mana-mana orang, selain daripada pekerja kami yang memproses Maklumat Peribadi tersebut semata-mata bagi pihak kami dan tidak memproses Maklumat Peribadi itu untuk tujuan diri mereka sendiri;

1. Maklumat Peribadi

1.1 Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada, seperti berikut:-

- butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, umur, alamat, jantina, pekerjaan, nombor telefon, alamat e-mel, butir-butir kad kredit/debit dan butir-butir akaun bank (apabila anda membuat keputusan untuk membeli item daripada pihak kami), etc;
- Maklumat yang berkenaan dengan kesihatan fizikal atau mental anda;
- Imej anda melalui pengawasan video yang dipasang di bahagian tertentu kami sebagai infrastruktur keselamatan kami; dan/atau
- Maklumat seperti alamat IP, pelayar web, perisian dan maklumat lain yang dikumpul secara automatik apabila anda melawat laman sesawang kami.

1.2 Sila ambil perhatian bahawa Maklumat Peribadi tertentu yang diminta oleh kami adalah mandatori dimana anda dikehendaki untuk beri dan setuju dengan pemprosesan maklumat mandatori tersebut oleh kami, sekiranya anda gagal membuat demikian sebagaimana yang dimaklumkan kepada anda pada masa berkenaan atau keengganan untuk mendedah oleh anda, kami mungkin tidak dapat :

- menjalankan atau melengkapkan urusniaga jual beli dengan anda;
- memproses atau melaksanakan permintaan anda;
- memproses permohonan anda untuk pertandingan, promosi, ceramah kesihatan, seminar dan lain-lain;
- memberikan anda maklumat, maklumat terkini tentang produk atau perkhidmatan berkenaan dengan produk kami; dan/atau
- membenarkan penyertaan anda ke dalam premis atau acara-acara kami, atas sebab pertimbangan keselamatan.

2. Bagaimana Maklumat Peribadi anda dikumpulkan

- apabila anda membeli produk kami atau mendaftarkan minat anda untuk mendapatkan maklumat serta maklumat terkini mengenai apa-apa produk dan perkhidmatan, sama ada dalam salinan bercetak, salinan elektronik atau melalui laman sesawang kami;
- apabila anda menghadiri ceramah kesihatan, seminar, pameran bergerak atau memberi maklumbalas terhadap kaji selidik kami, promosi atau soal selidik, sama ada dalam salinan bercetak, salinan elektronik atau melalui laman sesawang kami;
- melalui apa-apa transaksi, pertanyaan atau komunikasi yang dibuat dengan atau kepada kami, sama ada dalam salinan bercetak, salinan elektronik atau melalui laman sesawang kami; dan/atau
- melalui penggunaan cookies dalam laman sesawang kami

3. Tujuan mengumpul, memproses dan menggunakan Maklumat Peribadi anda



3.1 Maklumat Peribadi yang dikumpulkan sebelum ini daripada anda sedang, dan akan terus digunakan:

- untuk berkomunikasi dengan anda tentang produk, promosi, pengiklanan, pemasaran, bahan-bahan perniagaan dan acara yang bakal datang;
- untuk melengkapkan urusniaga jual beli;
- untuk kerja susulan tentang servis kami atau untuk menjemput anda ke ceramah kesihatan dan seminar kami;
- untuk pemprosesan permohonan, pertanyaan dan permintaan anda;
- untuk penyimpanan rekod pangkalan data, penyelenggaran dan pengemaskinian;
- untuk tujuan pentadbiran termasuk pengauditan, pemantauan penipuan dan pencegahan jenayah;
- untuk kerja susulan tentang keadaan kesihatan anda yang berkaitan dengan produk kami;
- untuk memastikan keselamatan premis (berkaitan dengan imej CCTV);
- untuk mematuhi apa-apa undang-undang, prosiding atau pertanyaan daripada pihak berkuasa dan agensi penguatkuasa; dan/atau
- untuk tujuan lain yang bersampingan dan berkaitan dengan mana-mana perkara di atas dan/atau yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

4. Maklumat Peribadi Sensitif

- 4.1** Kami mengumpul Maklumat Peribadi Sensitif seperti maklumat yang berkaitan dengan kesihatan mental dan fizikal anda dan lain-lain. Maklumat ini akan membenarkan kami untuk menyediakan perkhidmatan / nasihat yang lebih peribadi dan sesuai untuk anda. Jika anda tidak mahu Maklumat Peribadi Sensitif anda dikumpulkan, anda tidak perlu menyerahkan Maklumat Peribadi Sensitif tersebut kepada kami. Walaubagaimanapun, harap dimaklumkan bahawa kegagalan anda untuk memberikan maklumat tersebut kepada kami atau pembatalan persetujuan anda untuk memproses maklumat tersebut boleh menyebabkan kami tidak dapat membekalkan anda dengan produk dan perkhidmatan yang berkesan secara berterusan.
- 4.2** Jika anda memutuskan untuk menghantar Maklumat Peribadi Sensitif anda kepada kami, maklumat tersebut akan dianggap sebagai Maklumat Peribadi yang akan tertakluk kepada terma-terma dan pencakupan Polisi Privasi ini, termasuk juga bagi tujuan pemprosesan, penggunaan dan pendedahan data tersebut.

5. Pendedahan

Untuk memudahkan tujuan-tujuan yang disebut di atas serta pembekalan produk dan perkhidmatan kepada anda, kami akan mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga mengikut pengelasan seperti berikut:

- anak-anak syarikat dan ahli gabungan kami
- penasihat kami, juruaudit, perunding, doktor, kakitangan dalaman, pembekal produk dan perkhidmatan atas keperluan untuk mengetahui sahaja; dan/atau
- pihak berkuasa, agensi penguatkuasaan dan mana-mana pihak yang mempunyai tuntutan sah bagi tujuan prosiding/ tindakan undang-undang

6. Penggunaan Cookies

- 6.1** Apabila anda mengunjungi laman sesawang kami atau menggunakan perkhidmatan kami melalui portal web, portal web kami akan mewujudkan "cookie". "Cookie" adalah sejenis maklumat yang mengandungi maklumat komputer anda yang akan disimpan pada pemacu keras kami. "Cookie" ini membolehkan sistem kami untuk mengenali pelayar web anda dan catatkan nama dan maklumat pengebilan anda supaya anda tidak perlu menaip semula pada lawatan masa depan.
- 6.2** Sesi Cookie ID akan tamat apabila anda menutup pelayar web anda. Cookie berterusan akan kekal dalam pemacu keras anda bagi tempoh masa yang panjang. Anda boleh menghapuskan cookie yang berterusan dengan mengikut arahan yang disediakan dalam pilihan "bantuan" pelayar web anda.

7. Jangka masa Maklumat Peribadi anda yang disimpan oleh kami

Maklumat Peribadi anda akan disimpan oleh kami untuk jangka masa yang diperlukan untuk memenuhi tujuan Maklumat Peribadi yang telah dikumpulkan dan juga untuk tujuan lain seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi ini. Kami juga terikat dengan undang-undang, peraturan cukai, dan syarat atau garis panduan industri untuk menyimpan rekod dan pengekalan Maklumat Peribadi anda.

8. Akses atau pembetulan Maklumat Peribadi anda

- 8.1** Anda adalah bertanggungjawab untuk memberikan Maklumat Peribadi yang tepat dan lengkap tentang diri anda. Oleh itu, jika Maklumat Peribadi tersebut didapati tidak tepat atau tidak dikemaskinikan, anda dikehendaki membuat pembetulan atau mengemas kini Maklumat Peribadi tersebut dengan menghubungi kami atau mengemukakan maklumat yang terbaru kepada kami.



RUYI HOLDINGS SDN BHD

www.ruyiholdings.com

(752877-M)

8.2 Jika anda hendak mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda, anda dikehendaki memaklumkan kami secara bertulis kepada Pentadbir Eksekutif kami di alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 10 berikut:

- memohon satu salinan Maklumat Peribadi yang berada dalam simpanan kami; dan/atau
- memohon untuk membuat pembetulan atau mengemaskini Maklumat Peribadi anda

Sila berikan kami bukti pengenalan anda, alamat serta maklumat yang mencukupi untuk membolehkan kami mengenal pasti anda semasa anda menghantar permohonan bertulis anda kepada kami.

8.3 Selepas menerima permohonan bertulis anda, kami boleh:

- menolak permohonan anda untuk mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam keadaan tertentu. Sekiranya penolakan tersebut dibuat, kami akan memaklumkan anda tentang sebab-sebab penolakan tersebut
- mengenakan yuran pemprosesan ke atas permohonan anda untuk mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda.

9. Menghadkan pemprosesan Maklumat Peribadi anda

9.1 Jika anda:

- tidak mahu menerima tawaran, promosi, ceramah kesihatan, seminar, bahan-bahan pemasaran yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami; atau
- jika anda hendak kami hentikan pemprosesan Maklumat Peribadi anda bagi tujuan tertentu atau dengan cara yang tertentu.

Sila maklumkan kami secara bertulis kepada pengawal Pentadbir Eksekutif kami ke alamat yang boleh didapati dalam Seksyen 10 dibawah. Sekiranya tiada sebarang makluman bertulis diterima daripada anda, kami akan menganggap bahawa anda telah bersetuju dengan pemprosesan, penggunaan dan pendedahan Maklumat Peribadi mengikut kehendak Polisi Privasi ini.

9.2 Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pemprosesan Maklumat Peribadi anda seperti di atas, kami tidak dapat melaksanakan permintaan anda atau transaksi tertentu, seperti yang dinyatakan dalam **Seksyen 1.2** di atas.

10. Butiran hubungi kami

Ruyi Holdings Sdn. Bhd.

Wisma Ruyi, 179, Jalan Pudu 55100 Kuala Lumpur

Email : enquiry@ruyiholdings.com

Phone : +603-21449211

Fax : +603-21489211

11. Pilihan untuk Penamatan

11.1 Pemasaran mobile (SMS)

Jika anda tidak mahu menerima sebarang mesej teks promosi atau pemasaran di telefon bumbit anda, sila balas "STOP" kepada mana-mana mesej teks yang kami hantar kepada anda; atau anda boleh menulis kepada Pentadbir Eksekutif kami di butiran hubungi kami seperti yang dinyatakan di **Seksyen 10** di atas.

11.2 Telemarketing

Jika anda tidak mahu menerima sebarang panggilan berkaitan dengan promosi atau maklumat pemasaran daripada kami, sila hubungi kami secara bertulis kepada Pentadbir Eksekutif kami di butiran hubungi kami seperti yang dinyatakan di **Seksyen 10** di atas.

12. Polisi Privasi kami

Polisi Privasi kami boleh dipinda atau disemak semula dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh kami. Perubahan tersebut akan berkuatkuasa selepas kami memaparkan notis perubahan pada laman sesawang kami di www.ruyiholdings.com dengan versi Polisi Privasi yang telah disemak semula.

13. Konflik

13.1 Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara Polisi Privasi ini, dan apa-apa persetujuan untuk pendedahan maklumat yang dikemukakan oleh anda terhadap apa-apa perkhidmatan yang berkaitan sebelum ini, Polisi Privasi ini akan terus dipakai.

13.2 Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Polisi Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sebagai rujukan.